

Re: Maklumat Peribadi – Notis dan Keizinan

Kepada Pelanggan Yang Dihargai,

Club Asia International (“CAI”), (dikendalikan oleh Sara Worldwide Vacations Berhad) meletakkan kepentingan untuk mengikuti sebarang perubahan perundangan dan peraturan. Memandangkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah berkuatkuasa, kami sedang mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa kami mematuhi Akta yang baru ini. Sebagai sebahagian daripada urusan harian Club Asia International, Club Asia International mengumpul Maklumat Peribadi anda apabila anda memohon keahlian kami atau melanggan mana-mana perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sebagai balasan, kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk menyediakan anda dengan perkhidmatan kami, mengekalkan rekod kami, menghantar maklumat yang berkaitan kepada anda, promosi dan maklumat terbaru tentang produk.

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”), kami dikehendaki memaklumkan kepada anda:

- I. tentang jenis Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan dan bagaimana kami mengumpulkannya;
- II. bagaimana kami menggunakan Maklumat Peribadi anda;
- III. pihak-pihak yang kami dedahkan Maklumat Peribadi anda;
- IV. pilihan anda berkaitan dengan sejauhmana hak Maklumat Peribadi yang anda berikan;
- V. perbezaan antara maklumat yang dianggap wajib atau pilihan; dan
- VI. bagaimana anda mengakses dan mengemaskini Maklumat Peribadi anda.

Privasi anda adalah penting untuk kami dan kami komited untuk melindungi maklumat peribadi anda dengan mengumpul dan menggunakan Maklumat Peribadi anda menurut APDP.

Bagi maksud Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- “Maklumat Peribadi” merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/ atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan/ passport, bangsa, agama, alamat, pekerjaan, maklumat perhubungan, maklumat kewangan, jenis pakej dan/ atau produk dan/ atau perkhidmatan melanggan dan apa-apa maklumat lain yang perlu mengenai diri anda dan urusan anda termasuk Maklumat Peribadi Sensitif.
- “Maklumat Peribadi Sensitif” merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan kesihatan atau keadaan fizikal atau mental anda, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain, pelakuan atau pengatahan sesuatu kesalahan, atau sebarang maklumat peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri.

#### **1. Jenis Maklumat Peribadi Kami Kumpul Dan Bagaimana Kami Kumpulkan Ia**

Bagi membolehkan kami mengendalikan pertanyaan anda atau menyediakan anda dengan perkhidmatan kami, kami mungkin perlu mengumpul, mengguna, mendedah dan menyimpan (iaitu “memproses”) Maklumat Peribadi dan kewangan anda. Maklumat Peribadi dan kewangan seperti diperlukan antara lain untuk:

- a. Mengesahkan pengenalan peribadi dan latar belakang anda;
- b. Membekalkan anda dengan mana-mana perkhidmatan yang berkaitan

Kami juga boleh mendapatkan maklumat di atas daripada anda dari sumber-sumber berikut:

- a. Hubungan anda dengan kami, sebagai contoh, maklumat yang diberikan oleh anda apabila menggunakan perkhidmatan kami, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan dan semasa pelaksanaan semakan kewangan;
- b. Komunikasi lisan, bertulis dan/ atau elektronik anda dengan kami;
- c. Pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti ahli kedua;
- d. Mana-mana sumber lain yang anda telah berikan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/ atau di mana tidak terhad sebaliknya.

Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan boleh dikategorikan samada mandatori atau pilihan. Maklumat Peribadi mandatori adalah maklumat anda yang kami perlukan supaya kami dapat menyediakan anda dengan perkhidmatan yang diperlukan. Jika anda tidak memberikan kami Maklumat Peribadi mandatori, kami tidak akan dapat menyediakan anda dengan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Maklumat Peribadi pilihan adalah maklumat anda yang tidak wajib diberikan kepada kami. Jika anda tidak mahu menyediakan Maklumat Peribadi pilihan anda, anda masih boleh memohon untuk perkhidmatan kami.

Anda berkemungkinan telah memberi maklumat peribadi dan maklumat berkaitan dengan orang lain (seperti nama dan maklumat berhubungkait dengan ahli keluarga anda untuk tujuan tersebut. Dalam kes tersebut, anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah mendapat persetujuan atau berhak untuk memberi maklumat peribadi mereka kepada kami. Anda menjamin dan memastikan maklumat peribadi anda adalah betul, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Adalah tanggungjawab anda untuk memberitahu kami sekiranya informasi peribadi anda telah berubah.

## 2. Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Selain daripada yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk satu atau lebih daripada maksud yang berikut:

- a. Mengurus dan mengekalkan maklumat anda melalui kemaskini berterusan, penyatuan dan meningkatkan ketepatan rekod kami. Dengan cara ini kami boleh berkomunikasi dengan anda, memberi perkhidmatan kepada anda, memproses bayaran berkaitan dengan keahlian anda, memberi maklumat berkenaan produk dan perkhidmatan baru, bertindak balas kepada pertanyaan, aduan anda dan secara amnya menyelesaikan pertikaian dengan pantas supaya kami boleh meningkatkan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- b. Menjalankan penyelidikan, kajian pasaran dan analisis transaksi/ penggunaan perkhidmatan untuk lebih memahami keperluan masa hadapan. Kami juga akan menghasilkan data, laporan dan statistik dari semasa ke semasa, bagaimanapun maklumat tersebut akan dijumlahkan supaya identiti anda akan kekal sulit.
- c. Mematuhi kehendak mana-mana undang-undang yang terikat seperti melengkapkan dan memfailkan borang berkanun, sebagai contoh dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- d. Mengaturkan perniagaan dengan rakan bergabung yang berkenaan seperti agensi-agensi pelancongan dan perjalanan, syarikat pertukaran percutian, kedai-kedai mengambil bahagian untuk menyediakan perkhidmatan tambahan dari semasa ke semasa.
- e. Data peribadi anda mungkin dikongsi dengan entiti lain dalam kumpulan SEDC untuk makluman promosi atau pemasaran yang mungkin menarik minat anda.
- f. Aktiviti perniagaan sah yang lain; dan/ atau
- g. Apa-apa maksud lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan.

Sila ambil perhatian bahawa sekiranya diperlukan bagi mana-mana maksud di atas, Maklumat Peribadi anda boleh dipindahkan ke lokasi di luar Malaysia atau didedahkan kepada perbadanan berkaitan, rakan perniagaan dan/ atau pembekal perkhidmatan yang mungkin bertempat di dalam atau di luar Malaysia. Selain daripada yang dinyatakan seperti di atas, Maklumat Peribadi anda tidak akan dipindahkan dengan sengaja ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau sengaja didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga kecuali mengikut APDP.

Kami akan mendapatkan persetujuan anda sebelum menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan/ atau dalam mana-mana terma perjanjian anda dengan Sara Worldwide Vacations Berhad, melainkan jika dikecualikan di bawah APDP.

## 3. Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Sebagai sebahagian daripada menyediakan anda dengan perkhidmatan kami, kami mungkin dikehendaki untuk mendedahkan maklumat tertentu mengenai anda kepada pihak ketiga seperti berikut:

- a. ejen-ejen kami, pembekal perkhidmatan, rakan-rakan niaga atau afiliasi, vendor dan/ atau penasihat profesional yang membantu kami dalam pemprosesan, mentadbir, memenuhi transaksi atau menyediakan perkhidmatan menambah nilai yang anda minta;
- b. mana-mana orang yang diberi kuasa atau dilantik oleh anda untuk memberi arahan kepada kami bagi pihak anda;
- c. mana-mana orang yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami atau memindahkan hak-hak dan obligasi di bawah perjanjian anda dengan kami;

Sebaliknya, kami tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada orang lain, kecuali di mana:

- a. kami dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang;
- b. dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Sara Worldwide Vacations Berhad
- c. kami boleh memindahkan hak dan obligasi di bawah perjanjian kami dengan anda; dan/atau
- d. kami diperlukan untuk memenuhi kewajipan kami kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan

Tetapi sila yakin, bahawa pada setiap masa, kami akan menghormati dan melindungi privasi dan Maklumat Peribadi sulit anda.

## 4. Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

Kami meletakkan seluruh kepentingan dalam memastikan keselamatan dan kerahsiaan Maklumat Peribadi dan berterusan mengkaji semula dan melaksanakan pengemaskinian langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi apabila memproses Maklumat Peribadi anda.

## 5. Penyimpanan Maklumat Peribadi

Maklumat Peribadi anda akan disimpan selaras dengan Notis Privasi ini dan/ atau terma dan syarat perjanjian anda dengan Sara Worldwide Vacations Berhad bagi jangka masa hubungan anda atau untuk apa-apa tempoh sebagaimana yang perlu untuk melindungi kepentingan kedua-dua pihak Sara Worldwide Vacations Berhad dan anda. Penyimpanan tersebut juga adalah diperlukan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang atau mengikut polisi dalaman kami. Maklumat peribadi anda akan dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika tidak diperlukan lagi.

**6. Hak Anda Untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi**

Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini membuat pertanyaan bertulis dan, apabila dibayar fi yang ditetapkan, meminta secara bertulis untuk akses kepada, atau untuk pembetulan atau kemas kini, atau untuk menghadkan pemprosesan Maklumat Peribadi anda dengan mengemukakan permohonan itu secara bertulis kepada alamat yang dinyatakan dalam klausa 9, melalui pos berdaftar, e-mel atau penghantaran faksimili. Borang Permohonan Akses Data dan Data Borang Permohonan Pembetulan kami boleh didapati untuk dimuat turun di laman web rasmi Club Asia International, [www.clubasia.com.my](http://www.clubasia.com.my). Kami akan berusaha untuk mematuhi permintaan anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Maklumat Peribadi anda dalam masa 21 hari selepas menerima permohonan lengkap anda dan yuran pemprosesan yang relevan.

Sila ambil perhatian bahawa kami boleh menahan akses kepada Maklumat Peribadi anda dalam keadaan tertentu, sebagai contoh apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda, di mana maklumat yang diminta adalah bersifat sulit secara komersial atau apabila terdapat permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda sebab-sebab kami tidak dapat akur dengan permintaan anda. Kami berhak meminta lebih banyak bukti bertulis untuk mengelakkan kejadian penipuan dan/atau maklumat yang tidak tepat.

Untuk membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lebih baik, kami memerlukan bantuan anda untuk terus memastikan Maklumat Peribadi anda dikemas kini.

**7. Di mana Maklumat Peribadi Diberikan Oleh Anda Tidak Lengkap**

la mungkin wajib bagi anda dalam keadaan tertentu untuk menyediakan Maklumat Peribadi tertentu untuk membolehkan kami memproses permohonan anda atau untuk melanggan beberapa perkhidmatan kami yang lain. Jika anda tidak dapat atau enggan memberikan apa-apa Maklumat Peribadi mandatori, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda atau menyediakan anda dengan perkhidmatan tersebut.

**8. Semakan Kepada Notis Privasi**

Notis Privasi kami boleh disemak dari semasa ke semasa dan jika terdapat sebarang semakan, ia akan dipaparkan di laman sesawang Club Asia International dan/ atau lain-lain cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh kami. Walau bagaimanapun, sebarang semakan akan mematuhi APDP.

**9. Pertanyaan / Aduan**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami di talian dan alamat berikut:-

No. Telefon : (60) 82 – 238 007 No. Faks : (60) 82 – 248 007  
Emel : [kch\\_memberservice@saraworldwide.com.my](mailto:kch_memberservice@saraworldwide.com.my) **(Untuk Perhatian : Pegawai Perlindungan Data)**  
Alamat surat menyurat : Level 9, Menara SEDC, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100 Kuching, Sarawak

Sekiranya anda tidak bersetuju sebarang data peribadi yang digunakan oleh kami untuk tujuan penghantaran bahan-bahan pemasaran atau jikalau anda tidak bersetuju untuk dihubungi oleh kami untuk sebarang jualan dan promosi produk, anda diminta untuk memaklumkan kami secara bertulis ke alamat tertera di atas.

**10. Konflik**

Sekiranya berlaku situasi sebarang konflik antara Notis Perlindungan Data Peribadi versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

**11. Kesan Undang-undang**

Notis privasi ini tidak bertujuan untuk memberi apa-apa hak kontrak ataupun kewajipan kontrak di pihak kami berkenaan dengan mana-mana pihak lain.

Kami percaya bahawa anda mengizinkan dan bersetuju dengan syarat-syarat berkenaan pemprosesan maklumat peribadi anda oleh kami di atas. Sekiranya kami tidak menerima sebarang maklumbalas daripada anda berhubung perkara di atas dalam masa 14 hari dari tarikh notis ini, kami menganggap pihak anda telah bersetuju dan memberi keizinan kepada kami.

Yang benar  
Sara Worldwide Vacations Berhad  
(Club Asia International)  
Tarikh: 26 Ogos 2019